

43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH**

TARIKH : 25.10.2017

SOALAN : NO. 24

Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan statistik sindiket penjualan kelulusan akademik palsu pelbagai peringkat termasuk PhD secara dalam talian dari tahun 2012 hingga 2017 dan apakah langkah kerjasama Kementerian di peringkat nasional mahupun antarabangsa sebagai langkah menangani kegiatan sindiket ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, isu berhubung sindiket penjualan kelulusan akademik palsu secara dalam talian sedang diambil tindakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) kerana jenayah ini merupakan suatu bentuk penipuan dan boleh diambil tindakan di bawah kanun keseksaan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turut membuat laporan polis berhubung isu sindiket penjualan kelulusan akademik palsu pada 10 Februari 2017 dan yang terkini pada 2 Oktober 2017. Dalam usaha membendung isu perolehan kelulusan akademik palsu, KPT telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Membangunkan pangkalan data pemegang PhD bagi semua universiti awam (UA) untuk memudahkan semakan secara setempat berbanding sebelum ini dimana data hanya disimpan oleh UA masing-masing. Kini, pangkalan data ini boleh juga digunakan untuk menyemak bagi Penerima Anugerah Ijazah Kehormat, Profesor Emeritus, Profesor Diraja dan Profesor Ulung;
- (b) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat mana-mana laman web yang disyaki menawarkan ijazah palsu melalui internet;
- (c) Bekerjasama dengan PDRM dalam menyalurkan maklumat berkenaan penjualan kelulusan akademik palsu;
- (d) Bekerjasama dengan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dalam memastikan orang awam khususnya pihak majikan dapat membuat semakan rekod penganugerahan kelulusan akademik kepada bakal kakitangan yang ingin diambil bekerja; dan
- (e) KPT menerusi Kementerian Luar telah mengemukakan nota diplomatik ke negara yang disyaki menjadi lokasi hos server laman sesawang yang menawarkan sijil akademik palsu. Langkah ini penting bagi memaklumkan pihak berkuasa negara terbabit supaya tindakan yang lebih berkesan dapat diambil terhadap laman sesawang yang melanggar undang-undang di negara ini.

Menerusi jalinan kerjasama dalam dan luar negara ini, isu penjualan kelulusan akademik palsu dipercayai dapat dibendung dari terus

berleluasa dan pada masa yang sama KPT turut memberi kesedaran kepada orang awam dan pihak majikan untuk menyemak kelayakan akademik individu tertentu sama ada tulen atau sebaliknya.

Soalan (25)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 OKTOBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS
[TELOK KEMANG]

SOALAN :-

YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) perangkaan rumah-rumah ibadah mengikut agama yang telah pun beroperasi tanpa kelulusan kelayakan duduk atau memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki (CFO); dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian dalam menangani permasalahan ini.

47
Jawapan :-

Soalan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 10 tahun yang lepas mulai April 2007 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak lagi mengeluarkan Perakuan Kelayakan Menduduki (Certificate Fitness for Occupation - CFO) dan digantikan dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC).

CCC adalah di bawah kawalan Pengetua Utama (Principal Submitting Person –PSP) dan hanya akan dikeluarkan setelah semua Jabatan / Agensi berkaitan mengesahkan bahawa pembinaan tersebut diawasi dan disiapkan dengan mematuhi setiap peruntukan undang-undang dan syarat-syarat teknikal yang ditetapkan dalam kelulusan pelan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian tidak mempunyai perangkaan rumah-rumah ibadat yang tidak mempunyai CCC kerana perkara tersebut di bawah bidang kuasa dan kelulusan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) .

Soalan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, dalam mengatasi masalah tersebut, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan melalui PBT melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan rumah-rumah ibadat beroperasi mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Selain itu, bagi rumah ibadat yang beroperasi tanpa CCC, PBT boleh mempertimbangkan pemutihan dokumen yang bermaksud pemilik rumah ibadat boleh mengemukakan permohonan kepada PBT masing-masing untuk memastikan rumah ibadat yang telah dibina mematuhi perundangan yang berkaitan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017